

## ARAHAN 4/2020

### DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 15 Rejab 1441 bersamaan dengan 10 Mac 2020, mana-mana warga tempatan yang telah menghadiri perkumpulan keagamaan (tabligh) di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 28 Februari hingga 3 Mac 2020 adalah dikehendaki untuk menghubungi talian 2381383 atau 2381380 (waktu berkerja sahaja) atau Talian Darussalam 123 (di luar waktu berkerja) dengan segera bagi mendapatkan nasihat dan pemeriksaan selanjutnya. Sesiapa yang terlibat di dalam perkumpulan tersebut dan sedang mengalami tanda-tanda jangkitan seperti demam panas, batuk atau kesukaran bernafas hendaklah segera pergi ke Pusat Flu (*Flu Centre*) di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang terletak berhadapan dengan pintu masuk ke Jabatan Kecemasan.
2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tarikh: 26 Syawal 1441

18 Jun 2020